



Bab 6

PENJANAAN IDEA

MOHD NAZRI BIN AWANG
SMK Kubang Kerian
Kota Bharu, Kelantan

STANDARD PEMBELAJARAN

- Mengaplikasi kemahiran berfikir yang boleh digunakan dalam penjanaan idea seperti logikal, kreatif, lateral, analitikal, kritikal dan intuitif.
- Menjana idea reka bentuk melalui kaedah sumbang saran/ perbincangan/ sesi kritik berdasarkan bahan rujukan atau produk sedia ada yang telah dipilih.
- Mensistesisikan idea yang menjurus kepada penyelesaian masalah.
- Menghasilkan beberapa lakaran perkembangan idea yang menjurus kepada penyelesaian masalah.
- Memilih lakaran idea yang terbaik berdasarkan fungsi untuk menyelesaikan masalah.
- Menghasilkan lukisan persembahan.

Adnan bakal menghadapi perlawanan badminton yang sangat penting. Beliau perlu menang. Beliau telah mengubahsuai bahan tali raketnya supaya lebih anjal dan memberi kesan kepada kelajuan bulu tangkis yang dipukul..

Apa pendapat anda tentang idea Adnan?


Apa maksud mereka?

- Mana ada bahan sebegitu, kalau tak dah lama orang gunakan... **tak logik**
- Ini satu idea baru yang hebat. Dia sungguh kreatif... **kreatif**
- Dia langgar peraturan pertandingan, hakim mesti batalkan dia... **kritik**
- Saya rasa tak salah... **rasa (gerak hati)**
- Dia tentu sudah buat kajian, dia memperhalusi kelemahannya dengan terperinci... **analisis**
- Hebat! Lepas ni mesti ramai yang mahu mendapatkan reket seperti nya. Dia akan kaya... **fikir luar kotak**




PENJANAAN IDEA

- ❑ Boleh dilakukan setelah maklumat yang diperlukan telah diperoleh (melalui kajian)
- ❑ Idea ringkas (lakaran) dan akan dikembangkan.
- ❑ Proses penjanaan idea dilakukan melalui kemahiran berfikir secara **logikal, kreatif, lateral, analitikal, kritikal** dan **intuitif**.
- ❑ **Kemahiran berfikir** ialah satu **proses yang berlaku di minda apabila kita berusaha memahami sesuatu pengalaman atau situasi untuk menyelesaikan sesuatu masalah** dengan menggunakan akal fikiran.



PENJANAAN IDEA

- ❑ Melalui kemahiran berfikir, proses penyusunan maklumat, konsep dan idea yang berkaitan dengan sesuatu situasi akan berlaku.
- ❑ Teknik berfikir ini dapat membantu menggalakkan proses penjanaan idea.
- ❑ Penjanaan idea berkait rapat dengan proses penghasilan reka ciptaan, iaitu untuk menyelesaikan masalah yang telah dikenal pasti.
- ❑ Penjanaan idea memerlukan daya usaha individu sama ada berbentuk semula jadi atau terancang



PENJANAAN IDEA

Maklumat kajian




Idea ringkas

lakaran



Dikembangkan

Penjanaan idea secara terancang



Pemikiran Logikal

- **Betul dari segi logik dan kenyataan sebenar**
- **Untuk penjelasan mengenai idea**



Pemikiran Kreatif

➤ Keupayaan atau kebolehan mencipta sesuatu yang baharu

Ciri-Ciri Pemikir Kreatif

Peribadi stabil

Berani mencabar amalan biasa

Bersifat terbuka

Tidak terikat dengan cara kerja konvensional

Tadikal

Tidak berputus asa


Mengubah suai idea atau konsep secara inovatif

Pemikiran Lateral

- Bersifat generatif dan membina
- Untuk menerbitkan suatu perubahan dan kelainan
- Pilihan penyelesaian tanpa batasan
- Tiada nilai betul atau salah
- Idea bercanggah diterima asalkan bersifat positif

Pemikiran Analitikal

- Melihat sesuatu perkara secara mendalam dan terperinci
- Memecahkan bahagian besar kepada bahagian lebih kecil agar penyelesaian lebih berkesan



Konsep Pemikiran Analitikal

Pemikiran Kritisikal

- Mengenal pasti kesilapan, kelemahan, kekurangan dan kesalahan pada idea
- Meningkatkan pemahaman maklumat
- Mementingkan logik idea
- Kesalahan dan kelemahan dibuang atau dibaiki

Pemikiran Intuitif

- Berdasarkan gerak hati atau naluri, dalam keadaan ketiadaan atau kekurangan maklumat



Saya rasa....

Adnan bakal menghadapi perlawanan badminton yang sangat penting. Beliau perlu menang. Beliau telah mengubahsuai bahan tali raketnya supaya lebih anjal dan memberi kesan kepada kelajuan bulu tangkis yang dipukul..

Apa pendapat anda tentang idea Adnan?

Apa maksud mereka?

- | | | |
|---|--------------------------|-------------------|
| <input type="checkbox"/> Mana ada bahan sebegitu, kalau tak dah lama orang gunakan... | tak logik | logikal |
| <input type="checkbox"/> Ini satu idea baru yang hebat. Dia sungguh kreatif... | kreatif | kreatif |
| <input type="checkbox"/> Dia langgar peraturan pertandingan, hakim mesti batalkan dia... | kritik | kritikal |
| <input type="checkbox"/> Saya rasa tak salah... | rasa (gerak hati) | intuitif |
| <input type="checkbox"/> Dia tentu sudah buat kajian, dia memperhalusi kelemahannya dengan terperinci... | analisis | analitikal |
| <input type="checkbox"/> Hebat! Lepas ni mesti ramai yang mahu mendapatkan reket sepertinya. Dia akan kaya... | fikir luar kotak | lateral |

KAEDAH PENJANAAN IDEA

The background of the slide features a warm, golden sunset sky with soft clouds. In the foreground, the silhouettes of two people are shown working together to assemble large puzzle pieces. The puzzle pieces are dark and have circular cutouts. The sun is positioned behind one of the puzzle pieces, creating a bright glow and casting long shadows.

Perbincangan

Sumbang saran

Kritikan

KAEDAH PENJANAAN IDEA

SUMBANGSARAN

Sumbangsaan dilakukan secara **berkumpulan** untuk **menjanakan idea yang banyak** dalam masa yang singkat

Peraturan dalam Sesi Sumbangsaan

- 1) Ahli kumpulan mengenali dan mempercayai antara satu sama lain
- 2) Tidak mengadili sesuatu idea
- 3) Memahami topik yang hendak dibincangkan
- 4) Mengikut had masa yang ditetapkan agar ahli-ahli kumpulan menjadi kreatif dan spontan tanpa sebarang tekanan
- 5) Berfikir secara bebas tanpa paksaan
- 6) Dapatan daripada sumbang saran digunakan dalam membuat keputusan berikutnya

KAEDAH PENJANAAN IDEA

PERBINCANGAN

Perbincangan kumpulan untuk mendapatkan **idea atau kata putus** tentang sesuatu isu. Ia boleh dijalankan antara ahli **dalam kumpulan**, antara ahli kumpulan **dengan pembimbing** atau **antara kumpulan dengan kumpulan** yang lain. Topik perbincangan mestilah dipersetujui serta setiap idea atau pandangan orang lain perlulah diterima dan dihormati

Peraturan dalam Sesi Perbincangan

- 1) Tetapkan topik
- 2) Idea yang diberi menjurus kepada penyelesaian masalah
- 3) Bincangkan dan bahaskan setiap idea yang ada serta dicatatkan
- 4) Setiap idea harus mempunyai data-data atau maklumat sokongan
- 5) Setiap idea terbaik yang dipilih merupakan pilihan kumpulan tersebut dan mempunyai alasan-alasan tertentu yang menyokongnya

KAEDAH PENJANAAN IDEA

SESI KRITIK


Sesi kritik bertujuan untuk **mendapatkan maklum balas** daripada orang lain mengenai reka ciptaan atau idea. Ia dapat membantu dalam **pembinaan idea yang lebih baik** dan juga **mengenal pasti kelemahan** sedia ada.

Peraturan dalam Sesi Kritik

- 1) Melantik seorang pengerusi atau ketua
- 2) Mengambil tindakan terhadap kritikan yang diterima untuk tujuan memperbaiki kelemahan yang ada
- 3) Membentangkan idea mereka secara individu atau kumpulan dalam masa yang ditetapkan
- 4) Melakukan kritikan selepas selesai pembentangan idea



MENSINTESIS DAN MENGHASILKAN LAKARAN PERKEMBANGAN IDEA

Sintesis idea merupakan kemahiran **menyatukan sesuatu unsur atau bahagian membentuk satu kesatuan yang kompleks**




MENSINTESIS DAN MENGHASILKAN LAKARAN PERKEMBANGAN IDEA

Lakaran Perkembangan Idea 1




Hasil Perkembangan Idea

MENSINTESIS DAN MENGHASILKAN LAKARAN PERKEMBANGAN IDEA




Lakaran Sintesis Idea 2



Lakaran Perkembangan Idea

MENSINTESIS DAN MENGHASILKAN LAKARAN PERKEMBANGAN IDEA



Lakaran Sintesis Idea 3

PEMILIHAN IDEA TERBAIK

Menilai idea merupakan satu aktiviti untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan reka bentuk atau membuat pertimbangan terhadap sesuatu idea. Semasa proses menilai, semua pernyataan disokong dengan bukti-bukti yang sah dan mencukupi

PEMILIHAN IDEA

Menyatakan rasional

Alasan untuk menerima atau menolak

Membuat pilihan

Membahaskan isu

Mempertimbangkan cadangan


Mentaksir maklumat

ELEMEN-ELEMEN DALAM MENILAI IDEA


Masalah	Idea	Cara Penyelesaian	Kekuatan	Kelemahan
Pemindahan barang yang dibeli dari pengangkutan ke tempat yang dituju	Idea 1	Mengangkut di bahu beg bagi memindahkan barang dari pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> • Menjimatkan masa • Mudah untuk dikendalikan 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian tapak mudah rosak
	Idea 2	Mengadaptasi kaedah troli bagi memindahkan barang dari pengangkutan	<ul style="list-style-type: none"> • Mudah untuk dikendalikan kerana ia boleh dipegang dan ditarik menggunakan roda • Bekas barangan yang diletakkan secara bertingkat akan dapat memaksimumkan penggunaan ruang 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengambil ruang besar bagi tujuan penyimpanan selepas digunakan

Contoh Jadual Penilaian Idea Reka bentuk

LAKARAN PERKEMBANGAN DAN IDEA AKHIR



Lakaran Perkembangan Idea Akhir



Lakaran Idea Akhir

LUKISAN PERSEMBAHAN

Lukisan persembahan dihasilkan bertujuan untuk mempersembahkan hasil reka bentuk yang telah dihasilkan kepada pelanggan. Lukisan persembahan perlu kelihatan menarik dan dapat menyampaikan informasi kepada pelanggan supaya mereka tertarik serta bersetuju dengan reka bentuk yang telah dihasilkan

Kriteria yang perlu ada dalam sebuah lukisan persembahan

1

- Grafik yang menarik

2

- Berinformasi

3

- Warna yang sesuai

4

- Tajuk atau jenama yang sesuai

5

- Susun atur lukisan yang baik

LAKARAN PERKEMBANGAN DAN IDEA AKHIR



Contoh Lukisan Persembahan

terima kasih